

1,000 unit Proton e.MAS 7 Telah Dihantar. Terima Kasih, Rakyat Malaysia!

Penyerahan 1,000 unit Proton e.MAS 7 dirakam dalam video yang menyentuh hati.



Subang Jaya, 10 Mac 2025 - Proton New Energy Technology (PRO-NET), anak syarikat PROTON, sebelum ini mengumumkan penyerahan 1,000 unit Proton e.MAS 7 telah mengeluarkan sebuah video yang menyentuh hati, merakam perjalanan menuju pencapaian yang penting ini. Bukan hanya sekadar pencapaian yang dipamerkan malah video ini mengisahkan bagaimana PROTON telah berkembang dari berdekad lamanya menghasilkan kenderaan enjin petrol, kepada langkah berani menuju ke era mobiliti elektrik.

“Dengan mencapai jumlah 1,000 unit penghantaran Proton e.MAS 7, ia bukan sekadar angka tetapi ia juga mencerminkan kepercayaan dan sokongan rakyat Malaysia yang yakin akan visi kami untuk masa depan yang lebih hijau dan lestari. Perjalanan ini tidak akan dapat dicapai tanpa anda semua. Terima kasih, Malaysia! kerana bersama-sama dengan kami dalam perubahan ini. Kami akan terus berjuang, mempertingkatkan teknologi, dan membangunkan ekosistem EV yang berfungsi untuk semua. Ini hanyalah permulaan,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Tonton video penuh di sini: [[1,000 Proton e.MAS 7s delivered. Thank you, Malaysians!](#)]

Sebagai alternatif, anda juga boleh menonton video ini di saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kepercayaan, dan Piawaian Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>
Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>
TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-219 4581
Email: salawati@proton.com

Faisal Shah Mohamed Shah
Senior Manager Group Communication
Telephone: +6019-321 8897
Email: faisalshah@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Joshua Fredrick
H/Advisors Klareco
M: +6012 392 8943
Email: joshua.fredrick@h-advisors.global